

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS MALAM JASAMU DIKENANG TAHUN 2016**

**DEWAN SERI LESTARI, ARAS B1, KKLW**

**20 JANUARI 2017, JUMAAT  
WAKTU KETIBAAN: 8.15 MALAM**

YB Datuk Alexander Nanta Linggi

dan

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub

Timbalan- Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Dato' Azizan bin Haji Mohd Sidin

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailaini bin Muhamed Yunus

YBhg. Datin Seri Elena Chiang bt. Abdullah

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua  
Jabatan dan Agensi

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit, Pegawai-Pegawai Kanan  
Kementerian, Rakan-Rakan Media

Para pesara yang diraikan,

YBhg. Dato', Datin, Tuan, Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum wbt, Selamat Malam dan Salam Sejahtera.

1. Pertamanya, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama hadir pada hari yang penuh bermakna ini untuk meraikan **Majlis Malam Jasamu Dikenang Tahun 2016** bagi meraikan **21 orang pesara iaitu terdiri daripada 11 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta 10 orang pegawai pengurusan tertinggi di jabatan/agensi yang telah bersara sepanjang tahun 2016.**

2. Majlis malam ini adalah penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah tuan-tuan dan puan-puan curahkan dengan penuh dedikasi. Sesungguhnya khidmat bakti tuan-tuan dan puan-puan selama ini tiadalah boleh disamakan nilainya dengan hanya sebuah majlis makan malam sahaja.

3. Majlis ini merupakan satu bentuk pengiktirafan dan tanda penghargaan pihak kementerian kepada Tuan-tuan dan Puan-puan yang telah bersama-sama menyemai bakti menjadikan KKLW sebagai kementerian yang menyumbang secara konsisten kepada pembangunan dan kemajuan negara khususnya bagi masyarakat luar bandar.

Para hadirin, Tuan dan Puan yang saya kasihi sekalian,

4. Jika kita imbas kembali untuk tahun 2016, telah banyak kejayaan yang kita capai bersama antaranya kita berjaya melepasi sasaran pelaksanaan projek-projek prasarana, malahan turut cemerlang dalam pelaksanaan program-program *touch points* meliputi pembangunan belia, ekonomi, modal insan, keusahawan, sistem penyampaian dan program-program peningkatan pendapatan yang dapat mengurangkan beban kos sara hidup masyarakat dan belia luar bandar selari dengan transformasi 'Membandarkan Luar Bandar' yang telah kita lancarkan.

5. Pencapaian kementerian yang dimaksudkan adalah seperti Projek Jalan Luar Bandar, Projek Bekalan Air Luar Bandar, Program Mobilepreneur, Program Tuisyen Rakyat@KKLW, Rumah Bina Negara yang dikelolakan RISDA dan FELCRA Bhd, Transformasi Tabika KEMAS, mewujudkan lebih banyak lagi MARA Digital, pemantapan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), tanggungjawab sosial korporat pembaikan Tabika KEMAS di seluruh Malaysia serta pembangunan Orang Asli.

6. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar semua pihak dapat meneruskan usaha gigih dan dinamik bagi meneruskan kesinambungan pelaksanaan program-program kementerian yang dirancang untuk tahun 2017. Saya juga meletakkan harapan yang sangat tinggi kepada seluruh warga KKLW dan agensi-agensi di bawahnya agar sentiasa memastikan agenda pembangunan luar bandar diletakkan sebagai keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan KKLW bagi tahun ini.

7. Persaraan membawa pelbagai pengertian dan makna bagi setiap penjawat awam. Pasti Tuan-tuan dan puan-puan telah pun membuat perancangan bagi menghadapi alam baru. Mungkin ada yang merancang untuk menceburi bidang perniagaan, melibatkan diri dalam dunia politik mahupun menyertai badan-badan bukan kerajaan (NGO) sebagai sukarelawan. Malah ada yang berhasrat untuk menghabiskan masa bersama-sama keluarga tercinta. Walau apa pun jua perancangan itu, pesara sebenarnya sedang melangkah ke fasa hidup yang baru dan pastinya akan berhadapan dengan suasana dan cabaran yang berbeza dari alam pekerjaan.

8. Saya percaya ada di kalangan tuan-tuan dan puan-puan yang telah berkhidmat melebihi 30 tahun dalam perkhidmatan awam. Dalam tempoh yang panjang ini, semestinya tuan-tuan dan puan-puan telah mengharungi pelbagai suka dan duka ketika tempoh perkhidmatan. Saya yakin, terlalu banyak pengalaman serta

pengetahuan yang anda timba dan kecapai selama ini serta patut dijadikan sebagai contoh tauladan dan sempadan kepada generasi yang masih berkhidmat sekarang bak kata pepatah Melayu “Pengalaman adalah guru terbaik”.

Tuan/Puan hadirin yang saya kasihi sekalian,

9. Suka juga saya mencadangkan supaya di samping berehat panjang, tuan-tuan dan puan-puan bolehlah mengambil peluang melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh kerajaan atau badan-badan sukarela bagi mengupayakan diri tuan-tuan dan puan-puan di samping mengisi masa lapang seperti meningkatkan ilmu agama, ilmu kemahiran hidup dan ilmu perniagaan.

10. Tuan-tuan dan puan-puan yang masih berminat menimba ilmu kemahiran boleh mendaftar di Program Latihan Kemahiran Sepenuh Masa di mana-mana Pusat GiatMARA berdekatan anda. Antara kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti kluster kulinari, kursus kluster percetakan, kursus kluster pengangkutan dan sebagainya kerana kerajaan menyediakan pelbagai kursus tersebut secara percuma.

11. Di samping itu, Tuan-tuan dan Puan-puan boleh juga melibatkan diri di dalam Program Desa Lestari. Desa Lestari merupakan salah satu inisiatif KKLW dalam usaha mentransformasikan desa yang menjadi sebuah kawasan yang maju dengan penduduk yang berpendapatan tinggi. Antara skop-skop pembangunan Desa Lestari yang boleh diceburi oleh Tuan-tuan dan Puan-puan adalah seperti pelancongan desa, peruncitan, pertanian dan penternakan serta perkhidmatan perladangan.

12. Justeru itu, Tuan-tuan dan Puan-puan dinasihatkan agar merebut peluang ini di samping Tuan-tuan dan Puan-puan boleh memainkan peranan sebagai agen mempromosikan program-program di bawah KKLW bagi membantu meningkatkan kemahiran dan ekonomi rakyat menerusi cabang-cabang kemahiran yang ditawarkan.

13. Adalah menjadi satu kerugian besar kepada Negara sekiranya bakat dan pengalaman yang telah ditimba setelah berkhidmat bertahun-tahun di dalam perkhidmatan awam dipersia-siakan begitu sahaja. Ikutilah naluri hati, mudah-mudahan tuan-tuan dan puan-puan akan mencapai kejayaan di dalam apa jua bidang yang diceburi kelak,

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Pada kesempatan ini juga saya dan seluruh warga KKLW, sekali lagi, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan YBhg

Dato', Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan kepada KKLW sehingga ke akhir perkhidmatan. Sesungguhnya sumbangan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan KKLW hari ini dan menjadi contoh kepada warga KKLW yang masih berkhidmat.

15. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan yang kita raikan pada malam ini dilimpahkan segala rahmat dan keberkatan, di samping berada dalam keadaan sihat lagi sejahtera. Tahniah juga kepada pihak urusetia dan jawatankuasa penganjur majlis yang telah menjayakan majlis yang amat bermakna malam ini.

Sekian, Terima Kasih.

Wabilahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.